

### Kes kebakaran hutan di Sarawak semakin bertambah

**KUCHING** - Insiden kebakaran hutan di Sarawak semakin bertambah dengan 17 lagi kes dilaporkan setakat 8 pagi semalam menjadikan keseluruhan 494 kes dilaporkan sejak 1 Ogos lalu, menurut Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak.

Jumlah kawasan terjejas setakat ini ialah seluas 1,391.73 ekar serta turut terjejas dua buah rumah masing-masing di Kampung Sangki, Simunjan dan Kampung Sedi di Pulau Bruit.

"Secara Purata JBPM Sarawak bertindak ke atas 30 kes kebakaran api belukar setiap hari dan semalam, bahagian Kuching mencatat kes tertinggi dengan

lapan kes, diikuti Miri (4) dan Betong (3)," menurut kenyataan JPBM Sarawak.

Antara lokasi yang masih melibatkan operasi sehingga semalam ialah di Kampung Sedi, Pulau Bruit, Tanjung Manis yang memasuki hari ke-10 yang melibatkan keluasan terbakar seluas 40 hektar (100 ekar) di mana keluasan yang telah berjaya dipadamkan ialah 36.8 hektar (92 ekar).

"Selain itu, Kampung Tuie, Sarabang, Betong telah memasuki hari ketujuh melibatkan keluasan yang terbakar seluas 26.4 hektar (66 ekar) manakala keluasan berjaya dipadam ialah 24 hektar (60 ekar)," katanya. *Bernama*